

BAB EMPAT

KEFAHAMAN DAN AMALAN PENETAPAN MAHAR MASYARAKAT ISLAM DAERAH KLANG

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menjelaskan mengenai profil lokasi kajian dan faktor-faktor yang mendorong Pengkaji memilih lokasi ini. Seterusnya laporan kajian dan satu analisis serta penghuraian data mengenai praktik amalan menetapkan kadar *mahar* yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Daerah Klang.

4.1 PROFIL LOKASI KAJIAN

4.1.1 Sejarah Ringkas Daerah Klang

Klang atau Kelang merupakan antara bandar tertua di Malaysia. Penemuan prasejarah yang dikenali sebagai “Tulang Mawas” yang digunakan pada zaman Gangsa telah dijumpai di daerah ini, yang membuktikan bahawa tamadun di kawasan ini telah berusia sekitar 2,000 tahun yang lalu. Catatan awal mengenai sejarah Klang dalam buku “Negerakertagama” karangan Prapancha menceritakan mengenai kewujudan Klang yang bermula dari zaman Majapahit iaitu sekitar 600 tahun yang lalu.¹

¹Laman Web Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Klang, <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=337>, 25 Januari 2011

Ketika Melaka merupakan perkampungan nelayan lama sebelum ia menjadi ibu negeri bagi jajahan Melayu pada tahun 1400, Klang telah wujud sebagai pusat perdagangan yang berkembang dan terkenal sebagai kawasan yang menghasilkan bijih timah bermutu tinggi. Bahan galian ini dijumpai di kawasan hulu sungai dan di sepanjang kawasan Sungai Klang.²

Bandar ini bermula sebagai penempatan golongan bangsawan Melayu yang mengawal (menguasai) perdagangan hasil galian dan hasil hutan. Bandar dan Sungai Klang juga telah wujud dan dicatatkan oleh para pelayar di dalam peta pelayaran seawal zaman Laksamana Cheng Ho dalam pelayaran beliau ke Melaka dari tahun 1409 hingga 1433. Klang juga merupakan ibu negeri bagi Selangor sebelum pusat pemerintahan Kerajaan negeri berpindah ke Shah Alam pada tahun 1977.³

Sejarah Klang dikatakan telah muncul lebih awal daripada Melaka. Negara ini adalah sebahagian dari jajahan takhluk kerajaan Sri Vijaya dan Majapahit. Asal usul nama Klang adalah dari bahasa Mon-Khymer iaitu "Klong". Klong boleh diertikan sebagai gudang seperti mana yang dikemukakan oleh C.O. Blagden yang menyatakan Klang menjadi sebuah pelabuhan terpenting yang mempunyai banyak gudang-gudang. Manakala pendapat Charles A. Fishr yang menyatakan "Klang " itu bermaksud "terusan" atau jalan air. Pendapat ini dipersetujui di mana Klang mempunyai banyak jalan air iaitu anak-anak sungai tersebut ialah Sungai Klang, Sungai Bertek, Sungai Pinang, Sungai Sementa, Sungai

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

Agas, Sungai Kandis, Sungai Binjai, Sungai Kapar, Sungai Jati, Sungai Aur, Sungai Rasau dan Sungai Putus. Nama sungai ini terus kekal sehingga ke hari ini.⁴

Klang menjadi penting hanya selepas Kuala Selangor merosot khususnya selepas kemangkatan Sultan Muhammad (1826-1857). Sehingga pada tahun 1875, Klang di pilih sebagai ibu kota Selangor sebelum ditukar kepada Kuala Lumpur pada 1880. Pada tahun 1886, Klang dikatakan sebuah tempat yang cantik dan bersih.⁵

Klang juga dikenali sebagai Bandar Diraja Selangor dan bandarnya direntangi oleh Sungai Klang yang mengalir berkelang-kelok membelah lembahnya menuju ke laut Selat Melaka. Klang dikatakan merupakan salah sebuah tempat yang tertua di negara kita yang masih banyak menyimpan sejarah di dalam bumi dan sekitarnya.⁶

4.1.2 Kedudukan Dan Keluasan Daerah

Daerah Klang merupakan salah satu daripada sembilan buah daerah di Negeri Selangor. Ia terletak di tengah-tengah Negeri Selangor. Daerah ini bersempadan di bahagian utara dengan Daerah Kuala Selangor, di sebelah timur oleh Daerah Petaling dan di selatan bersempadan dengan Daerah Kuala Langat. Pelabuhan Klang atau *Port Klang*, yang merupakan pelabuhan utama di Malaysia, terletak lapan kilometer di bahagian barat daya Bandar Klang.⁷

⁴ Majlis Perbandaran Daerah Klang, <http://www.mpklang.gov.my/143>, 25 Januari 2011

⁵ Majlis Perbandaran Daerah Klang, <http://www.mpklang.gov.my/143>, 25 Januari 2011

⁶ Laman Web Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Klang, <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=337>, 25 Januari 2011.

⁷ Laman Web Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Klang, <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=337>, 25 Januari 2011

Sungai Klang yang mengalir di tengah-tengah Bandar Klang secara fizikalnya memisahkan Bandar Klang kepada dua bahagian iaitu Klang Utara dan Klang Selatan. Klang Utara merupakan pusat perniagaan dan perkhidmatan utama yang kebanyakannya terdiri daripada bangunan baru. Klang Selatan pula adalah kawasan perniagaan lama sebelum perang serta institusi pentadbiran dan pendidikan.⁸

Keluasan kawasan tanah Daerah Klang ialah 629 kilometer persegi atau 62,678 hektar. Keluasan ini termasuklah keluasan yang meliputi kira-kira 74 kilometer persegi kawasan Majlis Perbandaran Klang dan 20 kilometer persegi kawasan yang terletak di dalam kawasan Majlis Perbandaran Shah Alam. 10% dari keluasan daerah ini adalah Tanah Rezab Melayu, antaranya:⁹

- a) Rezab Melayu Pulau Indah
- b) Rezab Melayu Rantau Panjang/Sg. Pinang/Delek
- c) Rezab Melayu Meru
- d) Rezab Melayu Sementa
- e) Rezab Melayu Tok Muda
- f) Rezab Melayu Jalan Kebun
- g) Rezab Melayu Kg. Kuantan

⁸ *Ibid.*

⁹ Laman Web Rasmi Pejabat Daerah / Tanah Klang, <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=313>, 25 Januari 2011

Dari segi pentadbiran Daerah Klang terbahagi kepada dua mukim dan empat kawasan dan ditadbir oleh 6 orang penghulu.¹⁰

- ❖ Mukim Klang
- ❖ Mukim Kapar
- ❖ Kawasan Jalan Kebun
- ❖ Kawasan Pulau Indah
- ❖ Kawasan Rantau Panjang
- ❖ Kawasan Bukit Raja

Bandar Klang merupakan salah satu pintu masuk utama melalui jalan laut ke negara ini. Daerah ini juga merangkumi beberapa buah pulau seperti Pulau Ketam, Pulau Kelang, Pulau Tengah, Pulau Selat Kering, Pulau Selat Gedung, Pulau Che Mat Zin dan Pulau Indah. Ia meliputi kawasan seluas 626.78 kilometer persegi dengan keluasan kawasan pantai sejumlah 53.75 kilometer.¹¹

¹⁰ Laman Web Rasmi Pejabat Daerah / Tanah Klang,


<http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SubSectionID=132&SectionID=125>, 25 Januari 2011

¹¹ Laman Web Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Klang, <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=337>, 25 Januari 2011

4.1.3 Saiz Dan Komposisi Penduduk

Menurut laporan, jumlah penduduk Daerah Klang dianggarkan jumlah penduduk secara keseluruhannya adalah seramai 650,000 orang pada tahun 2007¹² dan bertambah kepada 840,700 orang pada tahun 2009 dan terus meningkat kepada 848,198 orang pada tahun 2010¹³ yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Didapati 97.3% penduduk di daerah ini tinggal di kawasan bandar dan selebihnya 2.7% di kawasan kampung. Dari segi pecahan kaum pula, peratus bilangan penduduk mengikut kaum di Daerah Klang pada tahun 2007 adalah seperti berikut:¹⁴

Jadual 4.1.3 : Pecahan Penduduk Daerah Klang Mengikut Kaum



¹² Laman Web Rasmi Pejabat Derah / Tanah Klang, <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=313>, 25 Januari 2011

¹³ Ensiklopedia Bebeas Wikipedia, Selangor, <http://en.wikipedia.org/wiki/Selangor>, 17 Februari 2011

¹⁴ Laman Web Rasmi Pejabat Derah / Tanah Klang : <http://www.selangor.gov.my/klang/main.php?Content=sections&SectionID=313>, 25 Januari 2011

4.1.4 Kemudahan Infrastruktur

Klang merupakan antara salah satu daerah yang pesat membangun di negeri Selangor. Keadaan ini menjadikan Daerah Klang mempunyai pelbagai kemudahan infrastruktur bagi keperluan dan kemudahan masyarakat di sekitarnya. Kemudahan ini meliputi sistem perhubungan seperti jalan keretapi, dan jalan raya yang menghubungkan penduduk samada dalam mahupun di luar daerah.¹⁵

Di antara kemudahan lain yang turut disediakan di daerah ini adalah kemudahan bekalan air, bekalan elektrik, kemudahan telefon, pusat keagamaan, pusat kesihatan, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan, institusi kewangan, keselamatan, projek-projek perumahan kos rendah, taman rekreasi dan pusat-pusat yang menjadi kegiatan perniagaan.¹⁶

4.2 FAKTOR PEMILIHAN LOKASI KAJIAN

Isu kenaikan *mahar* di Negeri Selangor yang berkuatkuasa 1 Januari 2010 lalu mengundang pelbagai reaksi dari masyarakat tetapi, apa yang ingin diketahui adalah bagaimana masyarakat di Negeri Selangor ini menetapkan *mahar* dan pelaksanaannya di dalam kehidupan. Di antara 9 buah daerah, Daerah Klang telah dipilih sebagai lokasi kajian yang dirasakan sesuai kerana ia menepati beberapa ciri yang perlu ada dalam kajian ini. Antaranya adalah tiada lagi kajian yang dilakukan di peringkat sarjana mahupun doktor falsafah berkenaan amalan *mahar* di dalam masyarakat terutamanya di lokasi kajian.

¹⁵ Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, <http://www.selangor.gov.my/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=247&VertSectionID=373&CurLocation=5&IID=&Page=1>, 25 Januari 2011

¹⁶ Laman Web rasmi Malis Perbandaran Klang, <http://www.mpklang.gov.my>, 25 Januari 2011

Pemilihan lokasi kajian ini adalah kerana ia merupakan di antara daerah yang pesat membangun di Negeri Selangor kerana terdapat sebuah pelabuhan yang merupakan pusat tumpuan perindustrian dan aktiviti perniagaan. Bandar Klang juga turut tersenarai di antara 50 bandar yang paling popular di Malaysia.¹⁷

Selain itu, kesesuaian lokasi ini menjadi tempat kajian adalah kerana masyarakat yang beragama Islam yang kebanyakannya berketurunan Melayu mewakili majoriti masyarakat yang tinggal di daerah ini. Latar belakang masyarakat yang berbeza dari segi umur, pekerjaan serta pengalaman perkahwinan dapat memberi gambaran mengenai perbezaan dan juga persamaan cara hidup, tahap kefahaman mereka berkaitan *mahar* ini.

¹⁷ Ensiklopedia Bebas Wikipedia, http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_urban_areas_in_Malaysia_by_population, 17 Februari 2011

4.3 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan di mana Pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan amalan atau praktik masyarakat dalam menentapkan kadar *mahar* dan kaedah temubual secara mendalam amat sesuai digunakan bagi mendapatkan gambaran dan jawapan yang lebih jitu.

Sebanyak 20 orang responden telah dipilih mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan di mana mereka ini mewakili 10 orang lelaki dan 10 orang wanita yang telah berkahwin dan menetap di Daerah Klang.

Responden yang dipilih dari pelbagai lapisan umur dan mempunyai latar belakang yang pelbagai bertujuan untuk mengetahui cara kehidupan, tahap pemikiran, kefahaman serta praktik mereka mengenai *mahar* ini dari pelbagai dimensi.

Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan temu bual yang berkaitan dengan objektif kajian yang ingin dicapai. Memandangkan kaedah temu bual ini dilakukan secara mendalam, soalan-soalan tambahan dan secara spontan turut diajukan kepada responden berdasarkan jawapan dan respon yang diberikan oleh mereka.

i. Umur Dan Taraf Pendidikan Responden

Pengkaji telah menemubual 20 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Perbezaan ini amat penting untuk membantu Pengkaji melihat tahap pemahaman dan pemikiran setiap golongan tertentu yang diwakili oleh responden yang telah ditemu bual oleh Pengkaji dan juga melihat adakah ianya mempengaruhi kadar *mahar*.

Kefahaman & Amalan Penetapan Mahar Masyarakat Islam Daerah Klang

Daripada 20 orang responden ini, seramai 3 orang (15%) berpendidikan di tahap sekolah rendah, seorang PMR, 7 orang (35%) di tahap SPM, 3 orang (15%) mempunyai Diploma dan 6 orang (30%) berpendidikan Ijazah Sarjana Muda. Pada peringkat umur pula, sebanyak 6 orang (30%) berumur dalam lingkungan 20-30 tahun, 5 orang (25%) berusia 31-40 tahun, 3 orang (15%) berumur 41-50 tahun dan 51-60 tahun, 2 orang (10%) berusia 61-70 tahun dan seorang sahaja (5%) yang berusia 71-80 tahun. Laporan ini dapat dilihat dalam jadual 4.3 dan 4.4.

Jadual 4.3.1 a : Taraf Pendidikan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Pendidikan				
	Sekolah Rendah	PMR	SPM	Diploma	Ijazah
Lelaki	1	1	3	3	2
Perempuan	2	0	4	0	4
JUMLAH	3 (15%)	1 (5%)	7 (35%)	3 (15%)	6 (30%)
Keseluruhan	20 Orang (100%)				

(Sumber : Borang latar belakang responden)

Jadual 4.3.1 b : Umur Responden Mengikut Jantina

Jantina	Umur					
	20-30 tahun	31-40 tahun	41-50 tahun	51-60 tahun	61-70 tahun	71-80 tahun
Lelaki	3	2	2	1	1	1
Perempuan	3	3	1	2	1	0
JUMLAH	6 (30%)	5 (25%)	3 (15%)	3 (15%)	2(10%)	1 (5%)
Keseluruhan	20 orang (100%)					


(Sumber : Borang latar belakang responden)

ii. Tempoh Responden Menetap Di Daerah Klang

Tempoh menetap atau bermastautin di daerah ini amat penting bagi Pengkaji kerana di sini Pengkaji dapat mengumpulkan maklumat daripada masyarakat Islam yang telah lama menetap di daerah ini samada berasal dari daerah ini ataupun yang telah bermigrasi dan menetap di daerah ini supaya responden yang dipilih oleh Pengkaji adalah mereka yang menepati ciri-ciri yang sampel responden Pengkaji iaitu telah mereka yang menetap lebih dari lima hingga sepuluh tahun serta terlibat secara langsung dalam hal ehwal perkahwinan.

Seramai 5 orang (25%) telah menetap di daerah ini selama 21-30 tahun dan 31-40 tahun. Manakala 2 orang (10%) telah menetap selama 1-10 tahun dan jumlah responden yang sama juga telah menetap selama 51-60 tahun. 4 orang (20%) telah menetap di sini selama 11-20 tahun dan hanya seorang sahaja responden (5%) menetap di Klang lebih dari 61 tahun. Rajah 4.3.2 menjelaskan tempoh responden menetap di daerah Klang.

Jadual 4.3.2 : Tempoh Responden Menetap Di Daerah Klang




(Sumber : Borang latar belakang responden)

iii. Tempoh Perkahwinan Responden

Usia ataupun tempoh perkahwinan yang berbeza ini membantu Pengkaji mendapatkan gambaran dan pengalaman daripada responden-responden yang telah berkahwin di daerah ini sekitar tahun 1960-an sehingga tahun 2010. Tujuannya adalah untuk Pengkaji melihat bagaimana perbezaan masa dan zaman mempengaruhi amalam adat perkahwinan masyarakat Islam di daerah ini terutamanya dari aspek *mahar*. Daripada 20 orang responden, sebanyak 12 orang (60%) telah berkahwin selama 1-10 tahun, 2 orang (10%) selama 11-20 tahun, 20 % atau 4 orang telah berkahwin dalam tempoh 21-30 tahun dan 2 orang (10%) selama 41-50 tahun. Manakala tiada (0%) responden yang telah berkahwin selama 31-40 tahun. Lihat jadual 4.3.3.

Jadual 4.3.3 : Tempoh Perkahwinan Responden




(Sumber : Borang latar belakang responden)

iv. Pekerjaan Responden Semasa Berkahwin

Tahap ekonomi yang kukuh amat penting bagi sesebuah pasangan yang hendak mendirikan rumahtangga. Ia memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan status sosio-ekonomi sesebuah keluarga. Pemilihan responden dari latar belakang yang berbeza ini dapat menggambarkan pandangan yang berbeza terhadap isu kajian di samping melihat adakah ia mempengaruhi penetapan *mahar* mereka atau masyarakat sekeliling.

Hasil kajian mendapati responden terdiri daripada pelbagai sektor pekerjaan yang berbeza iaitu seramai 10 orang (50%) bekerja di sektor kerajaan yang terdiri daripada guru, pensyarah, anggota tentera dan pembantu am pejabat. Seramai 5 orang (25%) bekerja di sektor swasta di mana mereka bekerja sebagai kerani dan operator pengeluaran. Sebanyak 20% atau 4 orang responden tidak bekerja semasa berkahwin yang kesemuanya adalah responden wanita. Hanya seorang responden (5%) yang bekerja sendiri semasa berkahwin. Hal ini jelas dapat dilihat berdasarkan jadual 4.3.4.

Jadual 4.3.4 : Pekerjaan Responden Dan Pasangan Semasa Berkahwin



(Sumber : Borang latar belakang responden)

4.4 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian analisis data dan beberapa dapatan berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh Pengkaji yang meliputi aspek-aspek berikut:

4.4.1 Kefahaman Mengenai *Mahar* Dan Hikmah Pemberiannya

Hasil temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati majoriti responden seramai 18 orang dan masyarakat daerah ini secara umumnya memahami hukum memberi *mahar* sepertimana yang telah disyariatkan Islam sebagai satu kewajipan *Mahar* merupakan salah satu syarat keperluan yang perlu ada dalam sesebuah majlis perkahwinan walaupun sekadar cincin besi mahupun ayat al-Quran seperti yang dinyatakan oleh responden ketiga.¹⁸

“... Mahar ini satu apa kita panggil.. satu keperluan satu syarat dalam nikah kahwin dan Islam meletakkanya satu kemestian. Kalau kita tengok hadis sekurang-kurangnya apa?? satu hadis yang berlaku pada sahabat sukurang-kurangnya cincin besi dan ada sahabat yang bagi ayat Quran. Dan ini satu nilai.. satu nilai yang besar, bukannya percuma tapi kena ikut kemampuan..” (R:3)

Namun masih ada segelintir golongan yang tidak mengetahui hukum pemberian *mahar* kerana menganggap *mahar* ini hanya sebagai satu penghargaan kepada isteri seperti mana pernyataan yang diberikan oleh responden kesebelas iaitu:¹⁹

“ ... emm (diam seketika)..tak tahulah apa hukum, saya ni bab hukum ni tu sikit.. tapi dia kira macam hadiahlah penghargaan bagi isteri..” (R:11)

¹⁸ Yusri Miskan, Ustaz, Temu bual pada 14 Januari 2011 jam 11.20 pagi.

¹⁹ Mohammad Ayob Raub, Bersara, Temu bual pada 18 Januari 2011 jam 9.30 malam.

Malah ada juga yang menganggap ianya sekadar bayaran adat sebagaimana yang dinyatakan oleh responden kelima seperti berikut:²⁰

“...tentang hukum ni saya tak berapa tu sangat tapi mesti kena bagi, tapi boleh juga bagi tapi bukan dengan wang ringgit lah.. Mahar penting bagi perempuan yang nak pakai duit, ni nilai adat tak de wajib, pegilah itu sume nilai adat.. sebab apa awak [isteri] kata wajib, tengok sana 300, sini 150 sana 44 ringgit, ni wajib? Itu negeri..” (R:5)

Kefahaman yang berbeza mengenai hukum pemberian *mahar* ini menyebabkan sebahagian masyarakat melihat ianya sebagai salah satu ikutan adat setempat atau negeri dan jika tidak diberi semasa akad tidak mendatangkan masalah kerana ia seperti pemberian hadiah dari suami kepada isteri yang boleh diberi pada bila-bila masa sepertimana yang dinyatakan oleh responden kelima.²¹

“...saya rasa tak de jadi masalah [tak bagi mahar] aaa.. mahar ni macam kita bagi hadiah dengan dia (isteri) juga, bila-bila kalau kita ada duit lebih beli mas kita bagi kat dia sama saja..” (R:5)

Bagi sebahagian masyarakat yang mempunyai pengetahuan dan pendedahan, mereka menyatakan sekiranya suami tidak membayar *mahar* kepada isteri, suami dikira berhutang dan isteri boleh menuntutnya di mahkamah kerana ia merupakan hak seorang isteri²² tetapi isteri boleh memilih untuk tidak menerima bayaran *mahar* sekiranya telah bersetuju untuk berbuat sedemikian.²³

²⁰ Isa Sheikh Mubarak, Bersara, Temu bual pada 15 Januari 2011 jam 9.25 pagi.

²¹ Isa Sheikh Mubarak, *op.cit.*

²² Nazneen Ismail, Pensyarah Muda KUIS, Temu bual pada 23 Januari 2011 jam 4.45 petang.

²³ Maznun Rentah, Suri Rumah, Temu bual pada 14 Januari 2011 jam 6.50 petang.

Hasil daripada temu bual, hanya 4 orang responden wanita yang mengetahui hak mereka untuk mendapatkan tuggakkan bayaran *mahar* di mahkamah selebihnya iaitu 6 orang responden tidak mengetahui akan hal ini. Ini menunjukkan masih ramai golongan wanita yang tidak mengetahui hak mereka dalam menuntut bayaran *mahar* yang tertunggak atau terhutang di mahkamah kerana tidak mempunyai pengetahuan walaupun mereka merupakan golongan berpendidikan tinggi sepertimana yang dijelaskan oleh responden keempat yang juga merupakan seorang guru bahasa Inggeris di salah sebuah sekolah menengah seperti berikut:²⁴

“..emm tak tahu.. ooo mas kahwin boleh tuntutan dalam mahkamah.. tak tahu.. memang saya tak tahu ..” (R4)

Pengkaji mendapati selain kefahaman masyarakat yang melihat bahawa *mahar* ini sebagai satu kewajipan yang perlu ditunaikan oleh suami, mereka juga memahami dan menganggap *mahar* sebagai satu simbol penghargaan atau pengiktirafan daripada suami kepada isteri²⁵ dan sebagai satu bentuk maruah isteri atas khidmat baktinya kepada suami . Responden kesembilan menyatakan:²⁶

“...baik, sebenarnya mahar ini apabila kita beri pada isteri ini sebagai satu maruah pada isteri atas khidmat bakti dia pada suami...” (R:9)

Responden juga menganggap pemberian *mahar* ini bukan sebagai satu bentuk bayaran “ jual beli” harga diri seorang wanita atau melambangkan status sosial serta ketinggian darjat seseorang wanita di dalam masyarakat sebaliknya sebagai pengiktirafan Islam kepada wanita seperti yang dijelaskan oleh responden kelapan belas iaitu:²⁷

²⁴ Wirdahayu Nyisak, Guru, Temu bual pada 14 Januari 2011 jam 8.45 pagi.

²⁵ Norazah Yassin, Ustazah, Temu bual pada 14 Januari 2011 jam 9.30 pagi.

²⁶ Yob Hamid Ismail, Guru dan Juru Nikah, Temu bual pada 17 Januari 2011 jam 9.50 malam.

²⁷ Nazneen Ismail, *op.cit.*

“...rasanya mahar ini lebih kepada Islam nak meletakkan adanya kemuliaan bagi wanita dan juga untuk membezakan di antara isteri dan juga pelacur kan yang bukan isteri kan..” (R:18)

Kesemua responden wanita iaitu seramai 10 orang responden mempunyai pendapat yang sama dengan melihat *mahar* ini sebagai sumber kewangan pertama wanita seperti yang dinyatakan oleh responden keenam iaitu:²⁸

“ yelah mas kahwin ni memang penting lagi-lagi kalau perempuan tu tak bekerja. Nak beli itu ini sume nak pakai duit. Persediaan mula-mula nak kahwin, nak beli barang ..”(R:6)

Selain dianggap sebagai permulaan sumber kewangan pertama wanita selepas berkahwin kelak,²⁹ penyariatan *mahar* ini juga dilihat bukan sekadar melaksanakan satu kewajipan tetapi juga sebagai satu permulaan tanggungjawab kepada suami dan menjadi satu mekanisme mengukur kemampuan dan persediaan untuk menyara kehidupan seorang isteri sepertimana yang dinyatakan oleh responden keenam belas seperti berikut:³⁰

“...kalau mahar pun dia tak boleh bayar itu maknanya nanti bila dah dia dah kahwin pun dia tak boleh bertanggungjawablah kalau dia tak boleh bagi mahar tu. Itu penghargaan. Kita nak tengok dari segi tu kan, kalau dia tak bagi maknanya aaa masa kahwin nanti lagi dia tak bertanggungjawab apa semua...” (R:16)

²⁸ Maznun Rentah, *op.cit.*

²⁹ Norazah Yassin, *op.cit.*

³⁰ Maryana Hamzah, Suri Rumah, Temu bual pada 22 Januari 2011 jam 4.30 petang

4.4.2 Cara Penetapan Kadar Mahar

Berdasarkan jadual 4.4.1 di bawah, hasil kajian mendapati seramai 12 orang responden (60%) melalui proses penetapan kadar *mahar* mengikut kadar yang telah ditentukan oleh kerajaan negeri, 4 orang responden (20%) pula menentukan kadar *mahar* mereka melalui perbincangan bersama di antara bakal suami dan isteri, seorang responden (5%) menerima ketetapan kadar *mahar* berdasarkan penentuan yang telah diberikan oleh pihak keluarga perempuan dan 3 orang responden (15%) menerima *mahar* yang ditentukan oleh bakal suami tanpa ada sebarang perbincangan.

Jadual 4.4.2 : Cara Penetapan Mahar Responden

Responden	Cara Penetapan Kadar Mahar			
	Kerajaan Negeri	Perbincangan Bersama Pasangan	Ditentukan Oleh Keluarga Perempuan	Suami Tetapkan
Responden 1		✓		
Responden 2		✓		
Responden 3			✓	
Responden 4				✓
Responden 5	✓			
Responden 6	✓			
Responden 7	✓			
Responden 8	✓			
Responden 9				✓
Responden 10				✓
Responden 11	✓			
Responden 12	✓			
Responden 13	✓			
Responden 14	✓			
Responden 15	✓			
Responden 16	✓			
Responden 17		✓		
Responden 18		✓		

Responden 19	✓			
Responden 20	✓			
JUMLAH	12 (60%)	4 (20%)	1 (5%)	3 (15%)
Keseluruhan	20 orang (100%)			

(Sumber : Maklumat temu bual)

Pengkaji mendapati sebahagian masyarakat menganggap amalan memberi *mahar* ini telah menjadi satu ‘*uruf*’ masyarakat Islam di Klang kerana ianya telah dipraktikkan sejak dari tahun 1960 –an lagi.³¹ Daripada temu bual yang dilakukan, seramai 12 orang responden yang memberi *mahar* mengikut kadar kerajaan negeri ini beranggapan bahawa ia adalah cara yang mudah malah ia merupakan cara yang paling popular atau yang biasa diamalkan oleh masyarakat Islam di Klang kerana ianya mudah diikuti tanpa perlu menilai status atau latar belakang pihak yang akan berkahwin. Hal ini dijelaskan oleh responden kesembilan seperti berikut:³²

“...biasanya menjadi adat kebiasaan dalam masyarakat terutama di Selangor ini ialah mahar yang telah digazetkan oleh aaa.. majlis agama Islam negeri iaitu 300 ringgit. Maka biasanya orang mudah bila kahwin tiga ratus ringgit, tiga ratus, dia takkan pandang status hang macam mana apa cammana.. jadi pemakaian dalam masyarakat yang popular ialah penetapan 300 oleh majlis agama Islam..”(R:6)

Bagi responden ketiga, cara penetapan kadar *mahar* oleh keluarga isteri disebabkan responden berkahwin dengan pasangan yang tinggal di luar negeri Selangor dan mengamalkan konsep *mahar mithil* di mana kadar *mahar* ini ditentukan mengikut saudara perempuan yang telah berkahwin di pihak keluarga bakal isteri seperti dalam penjelasan beliau iaitu :³³

³¹ Ayob Salleh, Pesara Tentera, Temu bual pada 16 Januari 2011 jam 5.45 petang

³² Yob Hamid Ismail, *op.cit.*

³³ Yusri Miskan, Ustaz, *op.cit.*

“..maskahwin ye.. maskahwin dulu saya bagi ikut berapa kakak isteri saya dapat masa diakahwin dulu..Lima ribu jadi mahar isteri saya lima ribu..” (R:3)

Dalam situasi yang berlainan, ada juga yang menetapkan kadar *mahar* ini melalui perbincangan bersama pasangan masing-masing iaitu seramai 4 orang responden. Hal ini disebabkan keadaan mereka yang baru bekerja dan mempunyai tahap kewangan yang sederhana seperti yang dinyatakan oleh responden kedua seperti berikut:³⁴

“... yang menentukannya adalah kami, saya dan pasangan saya atas kerana aaa apa nak kata.. masing-masing masa tu yang mempunyai itu je. Sebab kami masa tu baru nak belajar baru nak berumahtangga. Jadi itulah wang yang kami ada ...” (R:2)

Pengkaji mendapati kesemua responden bersetuju bahawa kemampuan pihak suami dan persetujuan di antara kedua-dua belah pihak adalah dasar utama yang dinilai dalam menentukan kadar *mahar* kerana ia dianggap sebagai pemberian seikhlas hati oleh pihak suami.³⁵ Kemampuan pihak suami ini dilihat berdasarkan pekerjaan mereka semasa berkahwin³⁶ dan bagi sesetengah ibu bapa, selain pekerjaan bakal suami, keadaan semasa turut menjadi faktor penetapan kadar *mahar* bagi anak perempuan mereka.³⁷ Hal ini dinyatakan oleh responden kelapan belas seperti berikut:³⁸

“..nak kahwin ni kene lah bincang. Tegok kemampuan masing-masing tak boleh nak ikut-ikut macam artis nak buat grand-grand. Kene berbincang dan pihak keluarga perempuan perlu lah faham kemampuan pihak lelaki kan..” (R:18)

³⁴ Norazah Yassin, Ustazah, *op.cit.*

³⁵ Nazneen Ismail, *op.cit.*

³⁶ Sumala Sanusi, Suri Rumah, Temu bual pada 18 Januari 2011 jam 9.30 malam.

³⁷ Yob Hamid Ismail, *op.cit.*

³⁸ Nazneen Ismail, *op.cit.*

Unsur-unsur percampuran adat dan Islam dilihat masih wujud di dalam kehidupan masyarakat Islam Daerah Klang terutamanya dalam perihal perkahwinan dan ada di antara adat ini yang tidak perlu diamalkan tetapi masih menjadi ikutan seperti upacara menepung tawar³⁹. Akan tetapi, dalam aspek menentukan *mahar* ini, unsur adat dilihat tidak begitu mempengaruhi amalan masyarakat menentukan *mahar* kerana mereka lebih cenderung mengikut ketetapan kerajaan negeri. Responden keempat menjelaskan :⁴⁰

“...aaa memang ada percampuran adat dan Islam. Tapi mostly diaorang pegang adat tu lagi kuat dari Islam tengok macam kat kampung-kampung saya tu kan. Mas kahwinnya selalu ikut kerajaan negeri tapi hantarannya mak aii melambung-lambung..”(R:4)

4.4.3 Pembayaran Dan Penyerahan Mahar

Selangor merupakan di antara negeri yang telah menetapkan kadar *mahar* bagi rakyatnya iaitu RM 80.00 sejak dari tahun 1968 dan kadar terkini adalah RM 300 yang telah dinaikkan bermula Januari 2010.⁴¹ Secara umumnya, masyarakat Islam di Daerah Klang ini menetapkan kadar *mahar* mengikut kadar yang telah diwartakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) dan mengamalkan konsep *mahar musamma* yang dibayar secara tunai.⁴²

Hasil kajian mendapati kesemua 20 orang responden menyerahkan *mahar* dalam bentuk wang tunai kerana sudah menjadi kebiasaan masyarakat setempat menggunakan wang sebagai *mahar*⁴³ dan ia juga dikatakan sudah menjadi satu *trend* perkahwinan di

³⁹ Nur 'Atikah Ahmad, Kerani, Temu bual pada 19 Januari 2011 jam 10.00 malam.

⁴⁰ Wirdahayu Nyisak, *op.cit.*

⁴¹ Kosmo Online, Maskahwin Selangor RM300, <http://www.kosmo.com.my>, 11 November 2010

⁴² Yob Hamid Ismail, *op.cit.*

⁴³ Ayob Salleh, *op.cit.*

Malaysia memberi *mahar* dalam bentuk wang ringgit. Penjelasan ini dinyatakan oleh responden kesembilan belas seperti berikut :⁴⁴

“...memudahkan urusan pernikahan tu semasa akad nikah depan tok kadi 80 ringgit tunai mas kahwin, itu yang biasalah di Selangor...tapi sekarang stail di Malaysia ini memang dia berbentuk wang tunai...” (R:19)

Wang ringgit ini dilihat sebagai satu simbolik barang yang berharga dan lebih efektif dari segi penggunaannya⁴⁵ dan tidak terkecuali sebahagian wanita melihat penggunaan wang tunai adalah untuk mengelakkan mereka daripada ditipu atau tertipu jika diberi dalam bentuk selain wang tunai seperti yang dinyatakan oleh responden kedua :⁴⁶

“...sebab mungkin kita tak mahu tertipu ke ditipu. Kalau bagi cek mungkin takut tertipu. Jadi yang senang, mudah didapati dan senang diberi, jelas terang, jadi wang ringgitlah paling mudah diberi ...” (R:2)

Walaupun penggunaan wang tunai ini dilihat lebih mudah dan diketahui jumlahnya, namun mereka tidak menolak untuk memberi *mahar* dalam bentuk al-Quran, kereta, rumah, emas atau barang-barang berharga⁴⁷ yang penting ianya bermanfaat dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.⁴⁸ Bagi sebahagian pasangan suami isteri, nilai *mahar* ini bukan terletak pada penilaian secara material tetapi lebih kepada nilai estetikanya kerana padanya terletak nilai kenangan sebagai seorang isteri seperti yang dinyatakan oleh responden kesembilan:⁴⁹

“.. sebenarnya kita bukan tengok pada nilai, tapi pada sentimental valuenya, apa kita kata nilai esstetika nya atau kenangan sebab ia pemberian ikhlas dari suami..” (R:9)

⁴⁴ Misswadi Sarbini, Bekerja Sendiri, Temu bual pada 24 Januari 2011 jam 8.50 malam.

⁴⁵ Yusri Miskan, *op.cit.*

⁴⁶ Norazah Yassin, *op.cit.*

⁴⁷ Ayob Salleh, *op.cit.*

⁴⁸ Sabariah Muhammad, Guru, Temu bual pada 24 Januari 2011 jam 8.50 malam.

⁴⁹ Yob Hamid Ismail, *op.cit.*

4.4.4 Faktor Yang Mempengaruhi Kadar Mahar

Secara umumnya, hasil kajian mendapati majoriti responden seramai 18 orang (90%) berpendapat bahawa peningkatan taraf hidup dan ekonomi semasa khususnya di Selangor amat mempengaruhi kadar *mahar* ekoran daripada kenaikan harga barangan dan keperluan harian.⁵⁰ Taraf pendidikan isteri atau status sosial pihak suami dilihat tidak begitu mempengaruhi penetapan jumlah *mahar* kerana faktor ini dianggap lebih banyak mempengaruhi kadar hantaran berbanding *mahar* seperti yang dinyatakan oleh responden ketiga belas:⁵¹

“...taraf hidup.. Taraf hidup dan ekonomi mempengaruhi. Faktor-faktor macam latar belakang suami atau tahap pendidikan isteri kalau dalam mas kahwin dia macam tak berapa sangat (mempengaruhi), hantaran lah biasanya..”(R:13)

Ini kerana masyarakat pada kebiasaannya menilai kriteria-kriteria tersebut dalam menentukan kadar hantaran, sebaliknya kadar *mahar* hanya mengikut apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri malah jarang sekali kadar *mahar* ini disentuh atau dibincangkan oleh keluarga kedua-dua belah pihak semasa sesi perbincangan belanja di majlis pertunangan. Responden kesembilan menyatakan seperti berikut:⁵²

“...jadi mahar ni orang bukan tengok sangat status orang tu, suasana sekarang orang tak tengok stautus tu. Wallahua’lam lah dan biasa dalam majlis pertunangan pun orang tak pikir, orang tak bincang orang lebih fokus pada hantaran. tang mahar tak pernah kita dengar nak diperbincangkan aaa sebab sekarang ni mahar ni 300 seperti yang ditetapkan...”(R:9)

⁵⁰ Sumala Sanusi, *op.cit.*.


⁵¹ Hafiszan Md. Nor, Operator Pengeluaran, Temu bual pada 19 Januari 2011 jam 10.00 malam.

⁵² Yob Hamid Ismail, *op.cit.*

Berbeza bagi 2 orang responden kesembilan yang mewakili 10%, mereka berpendapat kenaikan harga emas di pasaran semasa turut mempengaruhi kadar kenaikan *mahar*. Hal ini dinyatakan oleh responden keenam belas seperti berikut.⁵³

“...harga emas pun dah naik sekarang. Kalau kitaa dapat mas kahwin selalunya orang beli yang benda boleh nampak kan. Kalau tu mesti beli emas takkan nak simpan je duit dalam bank kan..”(R:16)

Jadual 4.4.4 : Faktor Yang Mempengaruhi Kadar Mahar



(Sumber : Maklumat temu bual)


4.4.5 Respon Penetapan Kadar *Mahar* Oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

Berdasarkan jadual 4.4.5 di bawah, hasil kajian mendapati 70% responden (14 orang) bersetuju dengan penetapan *mahar* oleh Jabatan Agama Islam Negeri, 15% (3 orang) responden kurang bersetuju dan 15% lagi (3 orang) responden mengambil sikap neutral terhadap isu ini.

⁵³ Maryana Hamzah, Suri Rumah, *op.cit.*

Jadual 4.4.5 : Respon Penetapan Kadar Mahar Oleh Jabatan Agama Islam Negeri

Selangor



(Sumber : Maklumat temu bual)

14 orang responden yang bersetuju berpendapat bahawa penetapan ini dapat memberi panduan kepada masyarakat khususnya orang awam⁵⁴ kerana secara umumnya mereka tidak mengetahui jumlah *mahar* yang sepatutnya diberi kepada isteri.⁵⁵ Hal ini dinyatakan oleh responden ketiga iaitu:⁵⁶

“...penetapan mas kahwin dari sudut pro-nya wajar sebab itu satu ketetapan yang boleh digunapakai untuk orang awam ..” (R:3)

Namun ada juga mempunyai persepsi bahawa apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri adalah nilai yang telah ditetapkan oleh Islam seperti yang dinyatakan oleh responden ketujuh:⁵⁷

“... kita ikut apa yang kerajaan negeri tentukan lah sebab itupun yang islam tetapkan, tak boleh lah nak dikurangkan...” (R:7)

⁵⁴ Yusri Miskan, *op.cit.*

⁵⁵ Nazneen Ismail, *op.cit.*

⁵⁶ Yusri Miskan, *op.cit.*

⁵⁷ Ayoub Salleh, *op.cit.*

Bagi responden yang bersetuju, mereka juga beranggapan bahawa penetapan ini juga sebenarnya akan mendidik suami untuk lebih bertanggungjawab dan bersedia dari sudut kewangan untuk berkahwin disamping dapat mengelakkan pihak yang mahu meremehkan pembayaran *mahar* ini yang akan menyebabkan penganiayaan terhadap golongan wanita. Kenyataan ini dijelaskan oleh responden ketujuh belas seperti berikut:⁵⁸

“...saya lihat 300 ni adalah untuk mendidik di pihak lelaki bahawa dia akan bersungguh-sungguh.. menjadi motivasi bagi suami untuk dapatkan duit dan melatih dia supaya beramanah.. rasa bertanggungjawab dan menunjukkan perkahwinan itu bukan satu main-main. Satu lagi supaya orang yang berniat untuk mewenang-wenangkan perkahwinan ni tak boleh buatlah, sebab nak kahwin kena bayar mas kahwin, supaya tak aniaya pihak perempuanlah...”(R:17)

Bagi responden yang kurang bersetuju seramai 3 orang, mereka berpandangan bahawa jumlah yang ditetapkan ini tidak bersesuaian dan akan membebankan pihak lelaki khususnya di Negeri Selangor⁵⁹ dan keikhlasan suami untuk memberi *mahar* secara rela hati akan hilang akibat tidak berkemampuan dan terpaksa membayar jumlah yang telah ditetapkan.⁶⁰ Responden keempat menyatakan seperti berikut:⁶¹

“...bagi saya mas kahwin itu sendirilah [tetapkan] elok sebenarnya.. kalau ditetapkan tu takut nanti akhir ramai yang jadi tu kan yang tak jadi kahwin. Bagi saya, saya rasa elok macam ikut kemampuan sendirilah..” (R:4)

Golongan ini juga berpendapat seharusnya kadar yang ditetapkan ini bersesuaian dengan tahap gaji masyarakat dan kemampuan pihak suami bukannya mengikut perkembangan ekonomi yang semakin meningkat.⁶² Taraf kewangan dan kemampuan

⁵⁸ Mohd Noorikhwan Sarbini, Pembantu Am Pejabat, Temu bual pada 23 Januari 2011 jam 4.45 petang.

⁵⁹ Wirdahayu Nyisak, *op.cit.*

⁶⁰ Isa Sheikh Mubarak, *op.cit.*

⁶¹ Wirdahayu Nyisak, *op.cit.*

⁶² Misswadi Sarbini, *op.cit.*

suami sepatutnya menjadi satu mekanisme yang perlu dipertimbangkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dalam menetapkan jumlah *mahar*⁶³ supaya hal ini tidak merumitkan urusan perkahwinan kerana ditakuti akan menyebabkan timbulnya gejala negatif dan menyusahkan golongan muda yang mahu berkahwin.⁶⁴ Hal ini dijelaskan oleh responden kelapan belas menjelaskan seperti berikut:⁶⁵

“...mungkin dari segi ekonomi bertambah sedangkan gaji kita tidak selaras penambahannya... Jadi bagi sayalah secara peribadi agak satu bebanan 300 bagi masyarakat orang muda yang nak berkahwin..kerajaan hanya melihat ekonomi di negeri Selangor tinggi, pendapatan tinggi tapi mungkin perlu melihat yang menyumbang kenaikan ekonomi bukan orang Melayu sahaja..ataupun bagi pendapat saya satu mekanisme maksudnya dia tengok bakal pengantin ni agak-agak dari golongan yang mana, kita tengok sosio-ekonomi dia, kerja kat mana kemudian langsung dikategorikan...”(R:18)

Bagi 3 lagi responden yang neutral, mereka menganggap penetapan jumlah *mahar* oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor atau mana-mana negeri ini bukanlah sebagai satu bentuk peraturan yang perlu diikuti sepenuhnya, sebaliknya ianya merupakan satu garis panduan atau *border line* kepada masyarakat supaya tidak kurang daripada jumlah tersebut kerana pada masa dahulu juga ulama ada yang menetapkan jumlah *mahar* yang terendah adalah 10 dirham. Pendapat ini dinyatakan oleh responden kesembilan seperti berikut:⁶⁶

“...sebenarnya di Selangor pun pemerintah tak menetapkan dah, cuma pemerintah membuat boder line sahaja sebab dalam syarak pun ada di zaman nabi, sahabat maknanya dia kata paling murah 10 dirham.. jadi setelah diambil nilai kira 10 dirham mungkin dalam 300 yang dikatakan tu kan...” (R:9)

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Yusri Miskan, Ustaz, *op.cit.*

⁶⁵ Sabariah Muhammad, *op.cit.*

⁶⁶ Yob Hamid Ismail, *op.cit.*

Bagaimanapun, ia terpulang kepada kemampuan pasangan yang akan berkahwin dalam menentukan kadar *mahar* pada kadar yang sepatutnya serta bergantung kepada kefahaman mereka.⁶⁷ Bagi golongan yang berkemampuan, sewajarnya pihak suami menambah jumlah *mahar* lebih daripada apa yang telah ditetapkan kerajaan negeri kerana ia adalah nilai seorang isteri.⁶⁸ Masyarakat juga seharusnya memahami bahawa jumlah ini bukanlah jumlah mutlak yang ditetapkan Islam dan perlu diikuti sepenuhnya, sebaliknya nilai tertentu yang ditetapkan ini adalah sebagai satu inisiatif daripada pihak kerajaan negeri.⁶⁹

4.4.6 Penggunaan Wang *Mahar* Oleh Pihak Perempuan

Merujuk jadual 4.4.6, majoriti responden wanita iaitu 7 orang (70%) menggunakan wang *mahar* yang diterima dengan membeli barangan kemas seperti loket, rantai dan cincin. Seorang responden (10%) menjadikannya sebagai modal simpanan pelaburan, seorang responden (10%) menggunakan kesemua wang *maharnya* membeli barang-barang keperluan seperti perabot, dan seorang responden lagi (10%) masih tidak menggunakan wang *maharnya* sehingga kini kerana nilainya masih belum cukup untuk membeli barang kemas.

Daripada 7 orang responden yang membeli barang kemas, 3 orang responden telah membuat sedikit penambahan daripada jumlah wang mahar yang diterima untuk mencukupkan jumlahnya bagi membeli barangan kemas kerana wang *mahar* yang diterimanya tidak mencukupi dan ini dijelaskan oleh responden keenam:⁷⁰

⁶⁷ Nazneen Ismail, *op.cit.*

⁶⁸ Maznun Rentah, Suri Rumah, *op.cit.*

⁶⁹ Mohd Noorikhwan Sarbini, *op.cit.*

⁷⁰ Maznun Rentah, *op.cit.*

“...mas kahwin masa tu RM 27.00.. cuba pikir RM27.00 apalah yang boleh dibeli. Jadi cik ani tambah sikit lagi duit beli rantai emas..” (R”6)

Golongan wanita berpendapat bahawa pertukaran wang *mahar* yang diterima kepada barangan kemas adalah bertujuan menjadikannya sebagai barang yang boleh disimpan sebagai pemberian hadiah dari suami dan menjadi kenangan sepanjang hayat.⁷¹ Di sini dapat diperhatikan bahawa golongan wanita lebih cenderung membeli barangan perhiasan daripada emas kerana ia lebih berharga dan boleh disimpan untuk jangka masa panjang.⁷²

Pembelian barang berbentuk emas ini juga sebagai satu aset untuk wanita jika terjadi sesuatu yang tidak diinginkan di masa hadapan seperti yang dinyatakan oleh responden keenam iaitu:⁷³

“...biasanya kebanyakanlah orang perempuan kalau dapat mas kahwin diaorang beli mas untuk perhiasan diri dia dan kenangan dia di hari tua. Tapi bila kita hidup susah, anak tak makan, tak menyusu tak pa kan, kita pun tak ada sumber lain, kita boleh guna mas kahwin tadi tapi dengan syarat mintala suami tebus balik...”(R:6)

Berbeza dengan responden kelapan belas, walaupun wang mahar yang diterima tidak mencukupi untuk membeli barangan kemas, beliau tidak menambah jumlah tersebut dan masih menyimpannya sehingga kini. Tetapi beliau menyatakan akan membeli sesuatu daripada wang mahar yang diterimanya apabila mencukupi suatu hari nanti.⁷⁴

“.. setakat ni tak buat apa-apa lagi. Simpan dalam frame. Sebab nak beli mas pun tak cukup. Tengoklah nanti kalau dah cukup belilah barang kemas ke ...” (R:18)

⁷¹ Sabariah Muhammad, *op.cit.*

⁷² Noorsiah, Suri Rumah, Temu bual pada 16 Januari 2011 jam 6.15 petang.

⁷³ Maznun Rentah, *op.cit.*

⁷⁴ Nazneen Ismail, *op.cit.*

Bagi responden kedua, wang *mahar* yang diterimanya sebanyak empat ribu telah habis digunakan untuk membeli barang-barang peribadi dan juga perabot. Wang tersebut digunakan sebagai sumber kewangan untuk beliau memulakan kehidupan yang baru tanpa perlu bergantung lagi kepada kedua ibu bapanya.⁷⁵

“.. mas kahwin saya habis saya gunakan semuanya.. beli perabot, barang-barang rumah, sumelah keperluan harian. Habis terus memang tak ada simpan-simpan..” (R:2)


Pengkaji mendapati jarang sekali wang *mahar* yang diberi oleh suami ini dijadikan modal simpanan oleh wanita. Bagi responden keempat yang menjadikan wang *maharnya* sebagai modal simpanan, faktor beliau berbuat demikian adalah atas dorongan kedua ibu bapa yang menasihatinya agar menyimpan wang tersebut sebagai simpanan untuk masa hadapan dan responden ketiga ini menyatakan seperti berikut:⁷⁶

“.. yang saya buat saya simpan (duit mas kahwin) pastu saya buat macam fix deposit. Tapi memang saya tak pernah keluarkan duit tu dari mula sampai sekarang, pastu saya tambah-tambah jadi saya nampaklah nilai tu makin lama makin besar.. rasanya sebab ni kot, mak ayah saya yang ajar simpan dari duit hantaran dulu...” (R:4)

⁷⁵ Norazah Yassin, *op.cit.*

⁷⁶ Wirdahayu Nyisak, *op.cit.*

Jadual 4.4.6 : Penggunaan Wang Mahar Oleh Pihak Perempuan



(Sumber : Maklumat temu bual)

4.4.7 Kesan Pensyariatian *Mahar* Terhadap Wanita Dari Aspek Ekonomi Dan Sosial

Hasil kajian mendapati 70% atau 7 orang responden wanita masih kurang kesedaran bahawa pemberian *mahar* ini sabagai satu bentuk sumber kewangan wanita yang dapat digunakan untuk jangka masa panjang. Tidak ramai wanita menyedari kepentingan *mahar* dan bagaimana mereka harus menggunakannya. Kenyataan ini dipersetujui oleh responden keempat yang menyatakan seperti berikut:⁷⁷

“... saya rasa ramai lah orang perempuan ni tak tahu atau Nampak apa kepentingan mas kahwin ni. Yang diaorang nampak, dapat duit beli emas. Nak nampakkan duit tu macam jadi sumber kewangan ke ekonomi ke rasa tak nampak lagi kot...” (R:4)

Walaupun kebanyakan responden membeli barangan kemas daripada wang *mahar* yang diterima, tetapi tidak kesemuanya melihat pembelian ini sebagai satu pelaburan jangka masa panjang yang boleh digunakan ketika berlaku perkara yang tidak diingini

⁷⁷ Wirdahayu Nyisak, *op.cit.*

kerana mereka lebih melihat kepada jangka masa pendek iaitu pembelian emas sebagai barang perhiasan seperti yang dinyatakan oleh responden kelapan belas seperti berikut:⁷⁸

“...orang perempuan ni rasanya tak nampak kepentingan mas kahwin. Rasanya diaorang fikir jangkamasa pendek je kot. Yelah maksudnya macam akak sendiri pun nampak beli barang kemas je, tak nampak pulak benda tu boleh ditabungkan jadi macam tulah pelaburan..”(R:18)

Akan tetapi, terdapat juga sebahagian responden yang melihat pembelian emas ini sebagai satu aset kepada seorang wanita kerana nilai emas yang sentiasa naik⁷⁹ dan ini menjadi satu jaminan masa depan bagi wanita dari aspek kewangan sekiranya berlaku perceraian ataupun kematian suami.⁸⁰ Hasil pengalaman seorang responden, beliau melihat bagaimana barang kemas yang dibeli daripada wang *mahar* ini digunakan sebagai barang gadaian untuk mendapatkan perbelanjaan bagi menampung pembiayaan yuran pengajian anaknya.⁸¹ Beliau menyatakan seperti berikut:⁸²

“...saya pernah melihat seorang kawan. Dia dah berkahwin 20 tahun, masa tu dia belikan (isteri) seutas gelang kalau tak silap dari mas kahwin dan bila anak dia nak sambung belajar tak de duit, dia gadaikan tu jadi cagaran, gadailah.. setelah anak dia habis belajar dia tebus baliklah..”(R:17)

Di sini dapat kita lihat betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh wang *mahar* ini yang bertindak sebagai “alat” yang boleh menjamin kehidupan wanita sekiranya fungsinya ini benar-benar difahami dan diaplikasikan di dalam kehidupan semua wanita.

⁷⁸ Nazneen Ismail, *op.cit.*

⁷⁹ Norazah Yassin, *op.cit.*

⁸⁰ Maznun Rentah, *op.cit.*

⁸¹ Mohd Noorikhwan Sarbini, *op.cit.*

⁸² *Ibid.*

Berbeza pula bagi sebahagian wanita yang bekerja, mereka melihat nilai *mahar* ini dari dimensi yang berbeza. Bagi mereka, *mahar* yang diterima dianggap lebih kepada simbol kasih sayang seorang suami kepada isteri bukannya sebagai satu bentuk jaminan masa depan wanita khususnya dari aspek kewangan.⁸³ Ini kerana mereka mempunyai sumber kewangan sendiri hasil daripada pendapatan mereka bekerja seperti yang dinyatakan oleh responden ketiga iaitu:⁸⁴

“...orang perempuan dulu tak bekerja, suri rumah sepenuh masa... dan sekarang ini berbeza, orang perempuan telah ada pendapatan sendiri, kemampuan sendiri. Oleh yang demikian, ini [mahar] lebih kepada tanda kasih sayang dan sebagai tanda mereka ini diiktiraf..” (R:3)

Di sini dapat pengkaji simpulkan, kekurangan pendedahan mengenai kepentingan *mahar* ini boleh dikatakan salah satu punca kurangnya kesedaran wanita terhadap isu ini walaupun mereka ini berpendidikan tinggi. Latar belakang keluarga juga memainkan peranan penting membimbing golongan wanita khususnya mengetahui hak dan kepentingan mereka⁸⁵ di samping ilmu pengetahuan agama dan pendidikan akademik.⁸⁶

4.5 Rumusan

Berdasarkan beberapa dapatan kajian dan penganalisaan yang telah dilakukan dalam bab ini, Pengkaji dapat melihat bagaimana kefahaman masyarakat Islam di daerah Klang terhadap *mahar* dan juga dapat menilai bagaimana amalan mereka dalam menetapkan kadar *mahar* ini dalam upacara perkahwinan di tempat mereka. Kesimpulan kajian ini akan dijelaskan lebih terperinci dalam bab kelima (kesimpulan dan cadangan).

⁸³ Yusri Miskan, Ustaz, *op.cit.*

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Wirdahayu Nyisak, *op.cit.*

⁸⁶ Maznun Rentah, *op.cit.*